

Strategi AS gantung Saddam

u.m m/s 11 s. 1. 07

Oleh MOHAMAD FAISOL KELING

Kita perlu sedar, perancangan dan strategi AS sebenarnya tidak hanya tertumpu terhadap Iraq, sebaliknya ia adalah proses dalam menguasai politik dunia dan negara-negara Islam yang lain

Strategi AS dan sekutunya dalam memecahbelahkan perpaduan Islam di Timur Tengah ini dapat kita lihat dalam kes konflik saudara di Palestin iaitu antara Fatah-Hamas.

Sokongan dan bantuan yang disalurkan oleh negara Arab dan Tel Aviv kepada kumpulan pergerakan Fatah bagi menghadapi pergerakan Hamas yang disokong oleh golongan Syiah Timur Tengah iaitu Hizbullah, Syria dan Iran menggambarkan senario pertembungan Sunah-Syiah.

Kesannya adalah matlamat perjuangan masyarakat Palestin (Fatah dan Hamas) terhadap kekejaman Yahudi telah melencong dan beralih kepada konflik sesama sendiri sedangkan nyawa dan hak penduduk Palestin tidak menjadi dibela.

Kebimbangan fenomena keretakan hubungan Sunah-Syiah ini telah pun disedari Malaysia yang merupakan Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Malah sebelum pelaksanaan hukuman mati Saddam lagi Malaysia telah memberi amaran kepada dunia Islam untuk segera menyelesaikan konflik saudara dan pertelingkahan mazhab ini.

Malaysia tidak hanya memberi amaran kepada puak yang bertelingkah di Iraq, sebaliknya di Lebanon, Palestin dan dunia Islam di seluruh dunia kerana ia mampu membuka ruang kepada kuasa besar untuk memperkukuhkan cengkaman ke atas dunia Islam.

Justeru, bagi memperkukuhkan keselamatan, kekuatan dan keamanan dunia Islam perlu menyembuhkan konflik sesama sendiri yang menjadi penyakit dalam dunia Islam.

□ MOHAMAD FAISOL KELING
ialah pensyarah Pengajian
Antarabangsa, Universiti Utara
Malaysia (UUM).

HUKUMAN mati ke atas Saddam Hussein pada 30 Disember 2006 menjadikan lembaran 2007 dihiasi dengan kesedihan dan kebimbangan masyarakat global khususnya bagi dunia Islam. Ia yang dijatuhi oleh Tribunal Tinggi Iraq – dikuasai oleh majoriti golongan berfahaman Syiah telah menjadikannya sebagai satu gerakan strategi yang dirancang oleh kuasa besar Amerika Syarikat (AS).

Sememangnya awal-awal lagi Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah memberi amaran pelaksanaan hukuman ke atas Saddam akan mengundang situasi yang lebih buruk terhadap senario hubungan dan ketegangan antara golongan Syiah-Sunah tidak hanya ke atas Iraq tetapi ke atas dunia Islam global.

Pendirian dan amaran Malaysia ke atas pelaksanaan hukuman mati ke atas pemimpin Sunah yang dianggap Barat sebagai "diktator" itu memang ada kewajarannya. Malah sekiranya kita melihat dan menganalisis motif dan objektif perubahan politik di Iraq, ia akan membawa kita untuk melihat dengan lebih luas khususnya terhadap strategi AS sebagai kuasa dominasi politik dunia menjelang 2007. Percaturan AS terhadap Saddam bukan lagi perkara baru, sebaliknya ia telah dirancang sejak tahun 1991 lagi di mana pemimpin yang dianggap anti-AS dan agresif ini perlu dihapuskan.

Namun pada ketika ini strategi menghapuskan Saddam melalui peperangan dan kekerasan tidak boleh dijadikan sebagai "lesen" yang boleh diterima masyarakat dunia. Justeru, dalam mencapai matlamat ini AS telah merancang untuk menghapuskan Saddam melalui perundangan yang dijatuhkan oleh masyarakat Iraq yang secara langsung menampakkan ia sebagai

tindakan yang "sah" dan "adil".

Kita perlu sedar, perancangan dan strategi AS sebenarnya tidak hanya tertumpu terhadap Iraq, sebaliknya ia adalah proses dalam menguasai politik dunia dan negara-negara Islam yang lain.

Sememangnya ketegangan hubungan antara golongan Sunah-Syiah yang telah wujud sekian lama telah dijadikan sebagai "ruang" dan "senjata" kepada AS untuk menguasai dunia Arab dan Islam.

Dengan memberi sokongan kepada golongan Syiah Iraq, ia telah menjadikan luka dalaman Islam semakin parah melalui tindakan mengenakan hukuman yang tidak berprinsipkan etika perundangan dan pengadilan yang sepatutnya ke atas pemimpin Sunah.

Bagaimana AS menjana strategi penguasaan dunia Islam melalui pencetusan ketegangan hubungan di kalangan masyarakat Muslim? Perbezaan fahaman yang melanda dunia Islam yang selama ini boleh dikategorikan "baik" sebagai status quo semenjak tamatnya Perang Iran-Iraq (1980-1988) telah menjadi parah apabila Iraq diserang oleh AS dan sekutunya pada Mac 2003. Situasi ketegangan antara Syiah-Sunah selepas pendudukan AS di Iraq sememangnya merupakan strategi Washington bagi melahirkan perasaan tidak puas hati dan perpecahan perpaduan umat Islam.

Mengapa AS membenarkan pelaksanaan hukuman gantung ke atas pemimpin agung Iraq ketika masyarakat dunia sedang cuba menyatupadukan puak Sunah dan Syiah?

Apa yang jelas, ketegangan yang wujud

hasil daripada konflik Sunah-Syiah akan menyebabkan perpaduan Islam dapat dikuasai dan dikawal oleh AS. Perlu kita fahami, Iran yang merupakan negara Islam yang majoritinya penganut Syiah yang pada ketika ini merupakan negara yang lantang menentang cengkaman AS adalah turut termaktub dalam kitab strategi penguasaan Washington bersama-sama Syria dan Lebanon.

Keretakan hubungan penganut fahaman Syiah-Sunah yang dicituskan semenjak Mac 2003 akan membuka landasan yang lebih mudah kepada AS untuk mengambil apa-apa tindakan ke atas Iran, Syria dan Lebanon.

Washington akan lebih mudah menjatuhkan ketiga-tiga negara ini melalui strategi memecahbelahkan perpaduan negara Arab melalui konflik fahaman agama kerana ia sememangnya menyedari negara Arab di Timur Tengah mampu menggugat kekuasaannya seperti mana yang ditunjukkan pada tahun 1973 yang memperlihatkan AS dan sekutunya terpaksa tunduk kepada perpaduan negara Arab.

Melalui konflik Sunah-Syiah, AS akan dapat menjarakkan hubungan dan perpaduan di kalangan masyarakat Islam di seluruh dunia.

Justeru, sebarang tindakan yang akan diambil ke atas negara-negara Islam lain tidak akan menghadapi masalah. Malah ia akan lebih memudahkan pelaksanaan strategi AS apabila terdapat negara-negara Islam yang menyokong tindakan ke atas negara Islam lain atas tiket perbezaan fahaman.